

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take on the Commodity Murabahah Term Financing-i – Variable Rate. Be sure to also read the terms in the letter of offer. Seek clarification from the Bank if you do not understand any part of this document.

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Pembiayaan Berjangka-i Komoditi Murabahah – Kadar Bolehubah. Pastikan juga anda membaca terma yang terkandung di dalam surat tawaran. Sila dapatkan keterangan lanjut dari pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini.



Product: Commodity Murabahah Term Financing-i – Variable Rate

Produk: Pembiayaan Berjangka-i Komoditi Murabahah – Kadar Bolehubah

Date / Tarikh:

1. What is the product about?

Apakah yang perlu diketahui tentang produk ini?

It is a floating rate term financing product based on the Shariah financing structure of Commodity Murabahah for asset and working capital financing. Ia adalah produk pembiayaan kadar bolehubah berdasarkan struktur pembiayaan Syariah Komoditi Murabahah untuk pembiayaan aset dan modal kerja.

2. What is the Shariah concept applicable?

Apakah konsep Syariah yang digunakan?

a) Tawarruq:

The Shariah principle of *Tawarruq* consists of two sale and purchase contracts, where:

- The Bank sells the asset to the Customer at cost plus profit, i.e., the Bank's Sale Price ("**BSP**") payable on deferred basis ("**Contract 1**");
- Subsequently, the Customer sells the asset to a third party ("**Contract 2**") at Customer's Sale Price that is equivalent to the Bank's cost for the asset.

Under Contract 1, the Customer agrees to accept the asset on an "as is where is" basis and waive the defect option (*Khiyar al 'Ayb*) for any defects in the asset. The Customer may request before the Bank purchases the asset, physical delivery of the asset under Contract 1 and bear all the associated costs. The purpose of *Tawarruq* transactions is to facilitate the financing. The asset will be Shariah-compliant commodities (i.e., Crude Palm Oil) traded in Shariah-compliant commodities and trading platforms.

The **BSP** will be computed based on Customer Profit Rate ("**CPR**"). The Effective Profit Rate ("**EPR**") is the actual profit rate charged to the customer based on the acceptable pricing benchmark, i.e., Base Financing Rate ("**BFR**") +/- profit margin. The EPR will vary in accordance with the periodic changes in the respective pricing benchmark rate, but will, in any event, be capped at the BSP.

Prinsip Syariah konsep *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jualan dan pembelian, di mana;

- Pihak Bank menjual aset kepada Pelanggan pada kos bersama keuntungan, iaitu Harga Jualan Bank ("**BSP**") yang dibayar atas dasar tertangguh ("**Kontrak 1**");
- Selepas itu, Pelanggan menjual aset kepada pihak ketiga ("**Kontrak 2**") pada Harga Jualan Pelanggan yang bersamaan dengan kos pihak Bank untuk aset tersebut.

Dibawah Kontrak 1, Pelanggan bersetuju untuk menerima aset "seperti sedia ada" dan melepaskan pilihan kecacatan (*Khiyar al 'Ayb*) untuk sebarang kecacatan pada aset. Sebelum Bank membeli aset di bawah Kontrak 1, Pelanggan boleh meminta penghantaran aset dan menanggung semua kos yang berkaitan.

Tujuan transaksi *Tawarruq* adalah untuk memudahkan pembiayaan. Aset ini terdiri daripada komoditi patuh Syariah (iaitu Minyak Sawit Mentah) yang didagangkan di platform dagangan dan komoditi yang mematuhi Syariah.

BSP akan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Pelanggan ("**CPR**"). Kadar Keuntungan Efektif ("**EPR**") ialah kadar keuntungan sebenar yang dicaj kepada pelanggan berdasarkan penanda aras penetapan harga yang boleh diterima iaitu Kadar Pembiayaan Asas ("**BFR**") +/- margin keuntungan. EPR akan berbeza-beza mengikut perubahan berkala dalam kadar penanda aras penetapan harga, namun dihadkan pada BSP

b) Wakalah:

The dual-agency arrangement is pursuant to the Shariah concept of *Wakalah* (agency), with the Bank acting as the Customer's agent (*Wakil*) to buy and sell the asset in Contract 1 and Contract 2 which make up the *Tawarruq* transactions.

Pengaturan dwi-agensi adalah berdasarkan konsep Syariah *Wakalah* (agensi), dengan pihak Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan (*Wakil*) untuk membeli dan menjual aset dalam Kontrak 1 dan Kontrak 2 yang membentuk transaksi *Tawarruq*.

3. What do I get from this product?

Apakah yang saya perolehi dari produk ini?

Example / Contoh:

- Financing Amount: RM500,000.00
Amaun Pembiayaan: RM500,000.00
- Bank's Sale Price ("**BSP**"): RM2,038,588.80
Harga Jualan Bank ("**BSP**"): RM2,038,588.80
- Tenure: 20 years
Tempoh: 20 tahun
- Margin of Financing: 80.00%
Margin Pembiayaan: 80.00%
- Base Financing Rate ("**BFR**"): 6.76% p.a.
Kadar Pembiayaan Asas ("**BFR**"): 6.76% p.a.
- Profit Rate: BFR + 1.00% p.a. on daily rest
Kadar Keuntungan: BFR + 1.00% p.a. atas baki harian
- Effective Profit Rate ("**EPR**"): 7.76% p.a. on daily rest
Kadar Keuntungan Efektif ("**EPR**"): 7.76% p.a. atas baki harian
- Customer Profit Rate ("**CPR**"): 20% p.a. on daily rest
Kadar Keuntungan Pelanggan ("**CPR**"): 20% p.a. atas baki harian

4. What are my obligations? <i>Apakah tanggungjawab saya?</i> Example / Contoh: - Monthly instalment: RM4,107.83 <i>Ansuran Bulanan: RM4,107.83.</i> - Total amount of payment at the end of 20 years is RM985,879.20 (Total Profit is RM485,879.20) <i>Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir tempoh 20 tahun adalah RM985,879.20 (Jumlah Keuntungan ialah RM485,879.20).</i> Important: Your monthly instalment and total payment amount may vary if the BFR changes, but in any event capped at the BSP. Penting: Bayaran ansuran bulanan dan jumlah bayaran keseluruhan boleh berubah sekiranya BFR berubah, namun dihadkan pada BSP. Note: The above examples are for illustration only and may not show the specific circumstances or obligations of each facility. Nota: Contoh-contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap kemudahan pembiayaan.
5. What are the charges that I have to pay? <i>Apakah caj-caj yang perlu saya bayar?</i> a) Stamp Duty: Per the Stamp Duty Act 1949 (Revised 1989) as imposed on you. The Stamp Duty shall be deducted from the financing amount upon first release of the financing. Duti Setem: Mengikut Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) seperti yang dikenakan ke atas anda. Duti Setem akan ditolak daripada amaun pembiayaan ketika pengeluaran pertama pembiayaan. b) Documentation fee: - Under the zero legal fees package, the Customer does not have to pay legal fees for the Bank to attend to the financing/security documentation for the financing. Subject to compliance with Bank Negara Malaysia's requirements, the Customer needs only to bear stamp duties, registration charges and (if any) all other fees and charges under the applicable laws and regulations, which shall be deducted from the disbursed amount on the day of the first release of the financing. - The customer has the option to appoint a Bank's panel firm of solicitors to attend to the financing/security documentation (refer to "Legal Fee & Disbursement") Fi dokumentasi: - Di bawah pakej sifar yuran guaman kami, pelanggan tidak perlu membayar yuran guaman untuk dokumentasi pembiayaan/sekuriti bagi pembiayaan tersebut. Tertakluk kepada kepatuhan terhadap keperluan Bank Negara Malaysia, pelanggan hanya perlu menanggung duti setem, caj-caj pendaftaran dan (sekiranya ada) lain-lain fi dan caj di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan, yang akan ditolak daripada amaun dikeluarkan ketika hari pertama pengeluaran pembiayaan. - Pelanggan mempunyai pilihan untuk melantik peguamcara panel pihak Bank untuk mengendalikan dokumentasi pembiayaan/sekuriti tersebut (rujuk "Yuran Perundangan & Pengeluaran"). c) Legal Fee & Disbursement: If the customer opts to appoint a Bank's panel firm of solicitors to attend to the financing documentation, the zero legal fees package shall not apply, and the customer shall pay legal fees as per Solicitors' Remuneration Order 2005 and disbursements as charged by the panel firm. Yuran Perundangan & Pengeluaran: Sekiranya pelanggan memilih untuk melantik peguamcara panel pihak Bank untuk mengendalikan dokumentasi pembiayaan, maka pakej sifar yuran guaman tidak akan terpakai dan pelanggan perlu membayar yuran guaman mengikut Perintah Saran Peguamcara 2005 dan pengeluaran seperti mana yang dicaj oleh firma guaman. d) Registration Charge: RM300 for lodgment of 'Statement Of Particulars To Be Lodged With A Charge' (Form 34) (Applicable for Company with collateral pledged as security for payment to the Bank). Caj Pendaftaran: RM300 untuk penyerahan borang 'Statement Of Particulars To Be Lodged With A Charge' (Borang 34) (Terpakai untuk Syarikat dengan cagaran yang dicagarkan sebagai sekuriti untuk pembayaran kepada Bank) e) Valuation Report: As charged by the Valuer. Laporan Penilaian: Seperti mana yang dicaj oleh Jurunilai. f) Takaful/insurance coverage: Perlindungan Takaful/insurans: - Entrepreneur Takaful Plan (ETP) is optional. <i>"Entrepreneur Takaful Plan" (ETP) adalah mengikut pilihan anda</i> If the Customer is a sole proprietor <u>Jika Pelanggan adalah pemilik tunggal</u> If you ("Person Covered") had taken up ETP ("Takaful policy") under our Bank's Master Certificate - Entrepreneur Takaful Plan, the benefits under the Takaful policy will be paid by the Takaful operator to the Bank. The Bank will apply the benefits towards payment of the outstanding sums under the financing facilities and the balance (if any) will be paid to the Person Covered or any person entitled through the Person Covered. <i>Jika anda ("Orang yang Dilindungi") telah mengambil ETP ("polisi Takaful"), di bawah "Master Certificate - Entrepreneur Takaful Plan" Bank, manfaat di bawah polisi Takaful akan dibayar oleh Pengendali Takaful kepada Bank. Bank akan menggunakan manfaat tersebut terhadap pembayaran jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan pembiayaan dan baki (sekiranya ada) akan dibayar kepada Orang yang Dilindungi atau sesiapa yang berhak melalui Orang yang Dilindungi.</i> If the Customer is a company or partnership or if a sole proprietor, the sole proprietor's financing facilities is guaranteed by 3rd party <u>Jika Pelanggan adalah sebuah syarikat atau perkongsian atau pemilik tunggal, kemudahan pembiayaan pemilik tunggal dijamin oleh pihak ke-3</u> <u>Takaful Policy NOT financed by the Bank</u> <u>Polisi Takaful TIDAK dibiayai oleh Bank</u> If a shareholder or director of your company or a partner of your firm or a guarantor of financing facilities granted to you ("Person Covered") had taken up ETP ("Takaful policy") under our Bank's Master Certificate – Entrepreneur Takaful Plan, the Person Covered has the option whether or not to assign their rights and benefits under the Takaful policy to the Bank as security for the financing facilities granted to you by the Bank. <i>Jika pemegang saham atau pengarah syarikat atau rakan kongsi firma anda atau penjamin kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anda ("Orang yang Dilindungi") telah mengambil ETP ("polisi Takaful"), di bawah "Master Certificate - Entrepreneur Takaful Plan" Bank, Orang yang Dilindungi mempunyai pilihan sama ada untuk menyerahkan atau tidak hak dan manfaat mereka di bawah polisi Takaful kepada Bank sebagai cagaran bagi kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anda oleh Bank.</i> <u>Takaful Policy financed by the Bank</u> <u>Polisi Takaful dibiayai oleh Bank</u> If a shareholder or director of your company or a partner of your firm or a guarantor of financing facilities granted to you ("Person Covered") had taken up ETP ("Takaful policy") under our Bank's Master Certificate – Entrepreneur Takaful Plan, the Person Covered is required by the Bank to assign their rights and benefits under the Takaful policy to the Bank as security for the financing facilities (including financing for the Takaful policy) granted to you by the Bank. <i>Jika pemegang saham atau pengarah syarikat atau rakan kongsi firma anda atau penjamin kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anda ("Orang yang Dilindungi") telah mengambil ETP ("polisi Takaful"), di bawah "Master Certificate - Entrepreneur Takaful Plan" Bank, Orang yang Dilindungi diperlukan oleh Bank untuk menyerahkan hak dan manfaat mereka di bawah polisi Takaful kepada Bank sebagai cagaran bagi kemudahan pembiayaan (termasuk pembiayaan untuk polisi Takaful) yang diberikan kepada anda oleh Bank.</i>

Fire Takaful / Insurance

Takaful / Insurans Kebakaran

Takaful/insurance against fire and the additional perils listed below is required on the property/assets taken as security by the Bank for its full replacement value for as long as the Facilities remain outstanding. Takaful/Insurance against fire and the additional perils listed below is also required on the property/assets subjected to the Islamic transactions for the financing, for its full value or replacement costs, whichever is the higher, provided always the takaful/insurance coverage shall not be lower than the amount payable by you under the financing. The Bank shall be endorsed as chargee and loss payee of the takaful/insurance.

Takaful/insurans terhadap kebakaran dan peril tambahan yang disenaraikan di bawah diperlukan atas harta/aset yang di ambil sebagai jaminan oleh pihak Bank untuk nilai penggantian penuh selagi kemudahan masih belum dijelaskan. Takaful/Insurans terhadap kebakaran dan peril tambahan yang disenaraikan di bawah juga diperlukan atas harta/aset tertakluk kepada transaksi secara Islam untuk pembiayaan, untuk nilai penuh atau kos penggantian, yang mana lebih tinggi, dengan syarat perlindungan takaful/insurans sentiasa tidak boleh lebih rendah daripada jumlah yang perlu dibayar oleh anda di bawah pembiayaan. Pihak Bank hendaklah disahkan sebagai pemegang gadaian dan penerima kerugian (loss payee) terhadap risiko tersebut.

The Customer has the option to take the Takaful/insurance from any non-panel Takaful operator/insurer acceptable to the Bank.

Pelanggan mempunyai pilihan untuk mengambil Takaful/insurans dari mana-mana Pengendali Takaful atau syarikat insurans bukan panel yang boleh diterima oleh pihak Bank.

Additional Takaful/Insurance cover is advised for the following perils: -

Perlindungan Takaful/Insurans tambahan adalah dinasihatkan untuk peril yang berikut: -

Storm, Tempest / Ribut, Taufan

Extend to cover loss or damage to property covered/insured directly caused by fire or otherwise occasioned by or through or in consequence of Hurricane, Cyclone, Typhoon and Windstorm, subject to excess of 1% of the total sum covered/insured or RM200.00 whichever is lower.

Diperluaskan bagi melindungi kerugian atau kerosakan pada harta yang dilindungi/diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh kebakaran atau disebabkan oleh atau melalui yang sebaliknya atau akibat daripada taufan dan angin ribut, tertakluk kepada lebih sebanyak 1% daripada jumlah keseluruhan yang dilindungi atau RM200.00, yang mana lebih rendah.

Explosion / Letupan

Extend to cover loss or damage to the property covered/insured by fire or otherwise directly caused by explosion, but excluding to damage to boilers, economizers, or other vessels, machinery or apparatus in which pressure is used or their contents resulting from their explosion.

Diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan pada harta yang dilindungi/diinsuranskan oleh kebakaran atau yang sebaliknya disebabkan secara langsung oleh letupan, tetapi tidak termasuk kerosakan kepada dandang, penjimat, atau kapal-kapal lain, jentera atau radas di mana tekanan digunakan atau kandungan yang terhasil dari letupan.

Riot, Strike and Malicious Damage / Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Dengan Niat Jahat

Extend to cover Riot and Strike and Malicious Damage to property covered/insured directly caused by: -

1. Act of anyone taking part together with others in any disturbance of the public peace (whether in connection with strike or locked out or not).
2. Action of any lawfully constituted authority in suppressing or attempting to suppress any such disturbance.
3. Wilful act of any striker or locked-out worker done in furthermore of a strike or in resistance to a lock-out.
4. Action of any lawfully constituted authority in preventing or attempting to prevent any such act or in minimizing the consequence of any such act.

Diperluaskan untuk melindungi rusuhan dan mogok dan kerosakan dengan niat jahat pada harta yang dilindungi/diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh:

1. Tindakan sesiapa yang mengambil bahagian bersama-sama dengan yang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan tindakan mogok atau disekat atau tidak).
2. Tindakan pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana gangguan sedemikian.
3. Perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja disekat dilakukan dengan tambahan pula daripada suatu mogok atau sebagai tentangan kepada suatu sekat-masuk.
4. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba untuk menghalang mana-mana perbuatan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

The above-named perils are subject to terms, conditions and exclusion of the full clause wordings stated in the Policy. Peril yang disebut di atas adalah tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian daripada susunan kata fasal penuh yang ditentukan dalam Polisi.

Please refer to the Takaful operator/insurer for further details of the Takaful/insurance.

Sila rujuk kepada Pengendali Takaful/syarikat insurans untuk maklumat lebih lanjut tentang Takaful/insurans.

The original Takaful/insurance policy and the receipt for the contributions/premiums paid shall be delivered to the Bank promptly. If you do not participate in/purchase Takaful/insurance to protect the property charged to the Bank, the Bank may (but is not obliged to) participate in such Takaful on your behalf by relying on the consent contained in the terms and conditions and agreement signed by you with the Bank and debit your account for the contributions advanced on your behalf.

Polisi Takaful/insurans yang asal dan resit bagi sumbangan/premium yang dibayar hendaklah diserahkan kepada pihak Bank dengan segera. Jika anda tidak menyertai/membeli Takaful/insurans untuk melindungi harta yang digadaikan kepada pihak Bank, pihak Bank boleh (tetapi tidak berkewajipan) menyertai Takaful tersebut bagi pihak anda dengan bergantung kepada persetujuan yang terkandung dalam terma dan syarat dan perjanjian ditandatangani oleh anda dengan pihak Bank, dan mendebit akaun anda untuk sumbangan yang didahulukan bagi pihak anda.

The Takaful contribution may be financed by the Bank. However, the insurance premium will not be financed by the Bank. Sumbangan Takaful mungkin boleh dibiayai oleh Bank. Walau bagaimanapun, premium insurans tidak akan dibiayai oleh Bank.

g) Late payment charges:

Caj ke atas pembayaran lewat:

- | | | |
|---------------------------------------|---|--|
| • Before maturity
Sebelum Matang | : | Overdue Instalment(s) x 1.0% x No. of Day(s) Overdue / 365
Ansuran Lewat Bayar x 1.0% x Bil. Hari Lewat Bayar / 365 |
| • After maturity
Selepas Matang | : | Outstanding Balance x IIMMR x No. of Day(s) Overdue / 365
Baki Tertunggak x IIMMR x Bil. Hari Lewat Bayar / 365 |
| • Post Judgement
Pasca-Penghakiman | : | Judgement Sum x IIMMR x No. of Day(s) Overdue / 365
Jumlah Penghakiman x IIMMR x Bil. Hari Lewat Bayar / 365 |

Note / Note:

IIMMR = Islamic Inter-bank Money Market Rate

IIMMR = Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam
--

6. What if I fail to fulfill my obligations?

Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tanggungjawab saya?

- Late payment charges stated above will increase the total outstanding.
Caj ke atas pembayaran lewat yang dinyatakan di atas akan meningkatkan baki keseluruhan.
- If your monthly instalment remains unpaid after 3 months, your financing account shall be classified as Non-Performing Financing (NPF). This will affect your further utilisation of other banking facilities with the Bank.
Jika ansuran bulanan anda tidak dibayar selepas 3 bulan, akaun pembiayaan anda akan diklasifikasikan sebagai "Pembiayaan Tak Berbayar" (NPF). Ini akan memberi kesan terhadap penggunaan kemudahan perbankan anda yang lain dengan Bank.

- The Bank has the right to consolidate and set-off by a minimum of a 7-day notice to you, any credit balance in your account(s) maintained with us against any outstanding balance in this financing account.
Pihak Bank berhak untuk menyatukan dan menolak selesai dengan memberi notis minimum 7 hari kepada anda, sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini.
- The Bank may debit your account for all payments due under this financing account. If any amounts are outstanding under this financing account, we are authorized by you to require OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("OCBC") to transfer the credit balance from any account(s) you maintain with OCBC to settle the outstanding under this financing account. We are also authorized by you to transfer the credit balance in any of your accounts with us to settle any outstanding sums under your account(s) with OCBC.
Pihak Bank boleh mendebitkan akaun anda untuk semua pembayaran di bawah akaun pembiayaan ini. Jika terdapat jumlah yang belum dijelaskan di bawah akaun pembiayaan ini, kami diberi kuasa oleh anda untuk meminta OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("OCBC") untuk memindahkan baki kredit dari mana-mana akaun anda di OCBC untuk menyelesaikan jumlah yang belum dijelaskan di bawah akaun pembiayaan ini. Kami juga diberi kuasa oleh anda untuk memindahkan baki kredit di dalam mana-mana akaun anda dengan kami untuk menyelesaikan jumlah yang belum dijelaskan di bawah akaun anda dengan OCBC.
- Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. The security may be enforced, and you will have to bear all costs. You are also responsible to settle any financing shortfall after the security is enforced.
Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda tidak mengendahkan notis peringatan kami. Sekuriti anda akan dikuatkuasakan dan anda akan menanggung kesemua kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa kekurangan pembiayaan setelah sekuriti dikuatkuasakan.
- Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.
Tindakan undang-undang ke atas anda boleh menjejaskan pengedaran kredit anda yang boleh mengakibatkan kemudahan pembiayaan menjadi lebih sukar atau lebih mahal kepada anda.

7. What if I make prepayment or overpayment on the financing?

Bagaimana jika saya membuat prapembayaran atau pembayaran berlebihan pada pembiayaan?

- Prepayment or overpayment is allowed; however, it will not have an impact on the calculation of profit charges.
Prapembayaran atau pembayaran berlebihan adalah dibenarkan namun ia tidak akan memberi kesan kepada pengiraan caj keuntungan.
- Overpayment will be treated as advance payment and utilised for the next payment due.
Pembayaran berlebihan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dan akan digunakan untuk pembayaran yang akan datang.

8. What if I fully settle the financing before its maturity?

Bagaimana jika saya melangsaikan pembiayaan ini sebelum tamat tempoh?

- Depending on the specific terms of the financing, if you fully settle the financing before the end of the tenure, the Bank shall grant to you *Ibra'* (rebate) on the Bank's Sale Price. However, the rebate shall be reduced by the early settlement charges if you fully settle the financing during the Holding Period (if any).
Bergantung kepada terma-terma pembiayaan yang spesifik, jika anda menyelesaikan pembiayaan sebelum tamat tempoh, pihak bank akan memberi Ibra' (rebat) kepada anda ke atas Harga Jualan Bank. Walau bagaimanapun, rebat tersebut akan ditolak dengan caj penyelesaian awal sekiranya anda menyelesaikan pembiayaan di dalam Tempoh Pegangan (sekiranya ada).
- Ibra'* (rebate) shall be granted to you on Bank's Sale Price if:
Ibra' (rebat) akan diberikan kepada anda ke atas Harga Jualan Bank, sekiranya:
 - the financing is fully settled before the end of the financing tenure due to early redemption, cancellation, event of default or termination, or; *kemudahan pembiayaan diselesaikan sebelum berakhirnya tempoh pembiayaan oleh sebab penebusan awal, pembatalan, kejadian Keadaan Ingkar ("event of default") atau penamatan, atau;*
 - at the end of the financing tenure, provided that the Customer has fully settled all payments and monies under all facilities and the total amount of profit based on the Effective Profit Rate is lower than the total amount of profit based on Customer Profit Rate.
pada akhir tempoh pembiayaan, dengan syarat Pelanggan telah menjelaskan sepenuhnya semua pembayaran dan wang di bawah semua kemudahan dan jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Pelanggan.
- Ibra'* (rebate) will be calculated by the Bank based on the following formula:
Ibra' (rebat) akan dikira oleh pihak Bank berdasarkan formula berikut:

<i>Ibra'</i> (rebate)	=	Deferred Profit	Less	Early Settlement Charges
<i>Ibra' (rebat)</i>		Keuntungan Tertunda	Tolak	Caj Penyelesaian Awal

9. What are the major risks?

Apakah risiko utama?

The Financing Rate varies with the BFR. The BFR shall be as published by the Bank from time to time. An increase in BFR may result in you paying a higher profit amount.

Kadar kemudahan pembiayaan akan berubah sekiranya BFR berubah. BFR akan diumumkan oleh pihak Bank dari masa ke masa. Kenaikan BFR boleh menyebabkan jumlah keuntungan yang perlu dibayar oleh anda menjadi lebih tinggi.

10. Do I need a guarantor or collateral?

Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Guaranteee and/or collateral may be required. We will evaluate the requirement before offering the financing.

Jaminan dan/atau cagaran mungkin diperlukan. Kami akan menilai keperluan ini dan memberitahu anda sebelum kami menawarkan pembiayaan.

11. What do I need to do if there are changes to my contact details?

Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada nombor telefon dan alamat saya?

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in timely manner.

Adalah penting untuk anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan pada nombor telefon dan alamat anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

12. Where can I get assistance and redress?

Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

If you have any questions or require assistance on our product, you can:

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Call us at:
Hubungi kami di
1-300-88-0255
or atau
03-8317 5200



Visit us at:
Lawati kami di:
[https://
www.ocbc.com.my/
business-banking](https://www.ocbc.com.my/business-banking)



Fill up the enquiry form:
Mengisi borang pertanyaan:
[https://
www.ocbc.com.my/
bizenquiry](https://www.ocbc.com.my/bizenquiry)

- If our reply to your query or complaint is not satisfactory to you, you may contact Bank Negara Malaysia or BNMLINK at:
Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan dengan cara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia atau BNMLINK di:

Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 / 603-2174-1717
Web form / Borang Web: bnmlink.bnm.gov.my
- If your financing application is unsuccessful, you may contact Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC for further assistance and advisory at:
Jika permohonan pembiayaan anda tidak berjaya, anda boleh menghubungi Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC bagi bantuan dan nasihat lanjut di:

Tel: 03-7880 0088
▪ E-mail / Emel: myknp@cgc.com.my
▪ Website / Laman Web: www.bnm.gov.my/MyKNP

13. Where can I get further information?

Di mana saya boleh mendapatkan informasi yang selanjutnya?

For more information on obtaining a financing facility, you may call our Contact Centre at 1 300 88 0255 or visit our website at www.ocbc.com.my or any of our OCBC Al-Amin branches nearby.

Untuk maklumat lanjut dalam mendapatkan pembiayaan, anda boleh hubungi Pusat Panggilan kami di 1 300 88 0255, layari laman web kami di www.ocbc.com.my, atau lawati mana-mana cawangan OCBC Al-Amin yang berdekatan.

IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF INSTALMENTS ON YOUR TERM FINANCING-i ARE NOT PAID PROMPTLY ON THE DUE DATES

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANSURAN PEMBIAYAAN BERJANGKA-i ANDA TIDAK DIBAYAR SEGERA PADA TARIKH BAYARAN

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 17 March 2025.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 17 Mac 2025.